

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS PENUTUP KURSUS DIPLOMATIK BAGI PEGAWAI- PEGAWAI PTD  
Lokasi : INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI  
Tarikh : 03-04-1993

Kursus yang dirangka khas bagi Pegawai-pegawai muda daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, untuk melengkapkan para pegawai dengan keupayaan asasi yang diperlukan oleh Pegawai-pegawai yang berkhidmatan di sektor luar negeri, dan kedua, untuk menyediakan para pegawai dengan pengetahuan khusus dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa, bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri secepat mungkin dengan persekitaran kerja di tempat masing-masing.

Masa depan negara kita adalah bergantung kepada sejauh mana keupayaan kita mengurus, bukan sahaja mengurus sumber- sumber yang ada, bahkan juga kebolehan mempertahankan dan melaksanakan dasar-dasar yang ditentukan oleh Kerajaan. Ini termasuklah dasar luar negara kita. Bidang diplomasi dan hubungan luar negeri adalah merupakan satu bidang pengkhususan. Salah satu daripada sifat yang perlu ada pada seorang diplomat itu ialah "communications skills". Peter Drucker claimed that 60 per cent of all management problems result from faulty communications. Communication skills are more than talking well. People judge us by what we say and write. Apabila kita meningkat lebih kanan sedikit di dalam perkhidmatan, maka sebahagian daripada tugas kita nanti adalah di dalam jurusan "negotiation". Negotiation depends on communication. Kejayaan seorang diplomat yang ditempatkan di sesebuah negara banyak juga bergantung di atas usaha-usahanya mewujudkan "networking"; in other words, being able to help or benefit from individuals or organizations you directly have a relationship, to achieve our national objectives. Networking works to the degree of your network. Kita juga hendaklah membantu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perusahaan Utama untuk menjayakan strategi pemasaran hasil pengeluaran negara. You must always be conscious of the fact that a good marketing strategy is one that keeps what we have and gets what we don't have.

Diplomasi dan hubungan antara negara sejak akhir-akhir ini telah mengalami suatu perubahan yang besar. Setiap negara dalam masyarakat antarabangsa tidak lagi memusatkan perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan protokol, politik dan keselamatan semata-mata. Ianya telah berkembang kepada batasan yang lebih luas, terutamanya dalam bidang ekonomi dan perdagangan, bagaimana untuk meningkatkan peluang-peluang ekonomi serta mencari pasaran-pasaran yang lebih luas. Halangan- halangan dalam diplomasi antara negara-negara di masa-masa hadapan bukan lagi berkisar kepada ideologi dan fahaman-fahaman politik yang berbeza.

Sekatan-sekatan perdagangan serta pengaliran modal, baik secara langsung atau pun tidak langsung adalah menentukan taraf atau nilai perhubungan antara negara-negara.

Pakatan-pakatan politik dan pertahanan seperti NATO dan Warsaw Pact, sudah jarang-jarang sekali kita dengar. Apa yang sering kita dengar dan baca sekarang dalam ruang-ruang diplomasi di akhbar- akhbar ialah G7, G15, North-South, South-South Cooperation, NAFTA, Single Europe, EC, APEC, EAEC, ASEAN dan sebagainya. Semua ini merupakan institusi-institusi yang mencerminkan perubahan dari pertarungan ideologi dan politik kepada persaingan ekonomi.

Competitiveness is a common topic of debate around the world. You must understand the core of competitiveness right at the outset of your career in the diplomatic service - the main causes that constitute competitiveness:

- (i) the macro economic environment (currency and interest rates;
- (ii) differentials in labour costs;
- (iii) interventionist policies of successful nations; and
- (iv) superior business management practices.

Apa yang perlu diberi perhatian semasa bertugas di luar negeri nanti ialah untuk mencari peluang-peluang baru yang selama ini masih belum diterokai. Andaian bahawa pasaran kita hanyalah di negara-negara maju sahaja adalah tidak tepat. Negara-negara yang sedang membangun juga mempunyai potensi yang besar. Kalau negara-negara maju turut memberikan perhatian kepada negara-negara membangun untuk mencari pasaran baru kepada keluaran negara mereka, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berbuat sedemikian.

Negara-negara Amerika Latin, Afrika Selatan, Asia Tengah, Asia Barat dan Kepulauan Pasifik, adalah merupakan potensi yang baik, yang sekarang ditekankan oleh pucuk pimpinan negara kita. Sebagai diplomat-diplomat muda negara haruslah sensitif dan peka kepada dasar baru ini.

Saya perlu tegaskan di sini perkara ini ialah kerana pengeksport-pengeksport negara kita tidak semuanya berupaya menjelajah keseluruhan dunia bagi mencari pasaran.

Pegawai-pegawai di luar negeri dikehendaki menjadi wakil mereka bagi mencari pasaran kepada barangan dan keluaran mereka. Selain dari membantu sektor swasta dalam soal perdagangan dan pelaburan, kita juga bertanggungjawab mempertahankan dasar-dasar negara di luar negeri dalam soal-soal sensitif seperti hak asasi manusia (human rights) dan alam sekitar (environment) yang sering digunakan oleh negara-negara maju untuk menyekat perkembangan ekonomi negara-negara Dunia Ketiga (Third World) melalui sekatan perdagangan dan pelaburan.

Pengaliran modal asing ke negara kita adalah suatu perkara yang harus beri perhatian apabila ditempatkan di luar negeri kelak. Pegawai-pegawai yang berada di barisan hadapan dan dapat berhubung secara langsung dengan pemodal-pemodal luar negeri, boleh memainkan peranan yang berkesan ke arah ini. Apa yang diperlukan ialah meningkatkan hubungan dan networking dengan mereka berdasarkan kepentingan negara.

Sebagai pegawai-pegawai muda yang baru berkhidmat, hendaklah sentiasa memberi perhatian kepada asas-asas pembentukan peribadi berdasarkan kepada nilai-nilai Tonggak Dua Belas, iaitu menghargai masa, ketekunan, keseronokan bekerja, kemuliaan kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, Pengaruh Teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, Peningkatan Bakat dan Nikmat Mencipta.

Jadikanlah prinsip-prinsip ini sebagai panduan setiap masa. Ianya bukan sahaja dapat memberi kepuasan kepada diri sendiri, tetapi juga memberi manfaat kepada semua orang yang memerlukan perkhidmatan.

Penguasaan bahasa kedua, terutama bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantaraan di peringkat antarabangsa, bukan lagi merupakan suatu pilihan. Ianya merupakan suatu perkara yang harus dimiliki. Gunakanlah keupayaan ini untuk menimba ilmu pengetahuan, oleh kerana seperti yang kita tahu, perkembangan antarabangsa yang dilaporkan setiap hari yang sampai kepada kita adalah ditulis dalam bahasa Inggeris.

Ilmu pengetahuan dalam bidang Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa banyak ditulis dalam bahasa itu. Memberi penekanan kepada penguasaan bahasa asing bukanlah menjadikan kita kurang nasionalis. Beberapa buah negara jiran kita yang dahulunya tidak memberi penekanan kepada penguasaan bahasa asing, sekarang telah maju ke hadapan menguasai bahasa-bahasa antarabangsa seperti Inggeris secara meluas.

Semasa kita menghadapi pertelingkahan politik antarabangsa dan serantau sedikit masa dahulu, penguasaan bahasa Inggeris yang baik oleh diplomat-diplomat kita adalah satu-satu faktor yang membantu kita dalam mengatasi kesukaran itu.

Satu perkara lagi yang perlu diingatkan ialah mengenai budaya membaca. Jadikanlah tabiat membaca sebagai sebahagian dari kehidupan. Seorang pegawai kerajaan yang mahu meletakkan dirinya untuk

mencapai kecemerlangan dalam kerjayanya, hendaklah sentiasa membaca. Apa lagi bagi seorang diplomat, yang pasti perlu mempunyai pengetahuan dan maklumat yang cukup dan meluas supaya dapat berunding dan melaksanakan dasar luar negeri dengan cekap dan berkesan.

You are the same today that you are going to be five years from now except for two things; the people with whom you associate, and the books you read.